



BULETIN

INPENS INTERNATIONAL COLLEGE

Edisi 5 / 2015



www.inpens.edu.my



03-3281 2616



019-3424 111



inpens@inpens.edu.my



INPENS INTERNATIONAL COLLEGE



“

MAJLIS Konvokesyen INPENS International College kali ke-19 meraikan seramai 407 orang pelajar yang menerima sijil kemahiran masing-masing. Majlis yang disempurnakan oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor, Tuan Haji Mohamed Azmin bin Ali telah berlangsung dengan gilang gemilang di Auditorium, Dewan Jubli Perak, Shah Alam, Selangor pada 11 April 2015 yang lalu.

... Berita lanjut di laman 4 & 5 ...

”

Menarik Di Dalam!

3

Permata
DI INPENS

Kenali dengan lebih dekat lagi permata yang semakin bersinar, saudara Mohamad Shafawi Zainuddin.

6 & 7 KarTII
2015

Membudayakan kreativiti dan inovasi di Karnival Teknologi & Inovasi INPENS, KarTII 2015.

8

Program
Malaysia
Ngaji

INPENS turut serta menganjurkan Program Malaysia Ngaji yang merupakan satu program yang dijalankan di seluruh Malaysia bagi menggalakkan umat Islam membaca Al-Quran.

9

“Disaster Drill”
Latihan
Menangani
Bencana

Saksikan penglibatan warga INPENS sebagai mangsa dalam nahas helikopter terhempas!

Cemerlang Bersama INPENS

sidang redaksi

Penaung

Tuan Rosli bin Haji Ibrahim

Penasihat

Encik Jefri bin Mejan

Ketua Editor

Nur'Adnin Syamil binti Halik Bassah

Penolong Ketua Editor

Siti Noor Hani binti Mohd Fatoni

Pengarang / Jurnalis

Solihah binti Yaakob

Zawiah binti Abdullah

Siti Rahimah binti Mohamad Noor

Mohd Nor Izzuddin bin Rahudin

Pereka Grafik

Ahmad Zulkhidzrie bin Mohamad Zuki

Jurugambar

Bahagian Komunikasi & Korporat

Bahagian Hal Ehwal Pelajar

Pembantu Redaksi

Nor Fadzilah binti Abdul Rahman

Azlan bin Ismun

Bahagian Hal Ehwal Pelajar

Sidang redaksi mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan penerbitan Buletin INPENS Edisi Ke-5 ini. Kami mengalu-alukan sumbangan artikel / rencana / berita semasa yang berkaitan dengan pendidikan, sahsiah dan aktiviti kemasyarakatan daripada warga INPENS. Kirimkan tulisan anda kepada:

KETUA EDITOR

INPENS International College, Jalan Semarak,
45000 Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03-3281 2619 / 20 / 21

Faks : 03-3281 2625 / 27

Email : nuradnin@inpens.edu.my

© Hak Cipta terpelihara INPENS International College. Tidak dibenarkan menerbitkan mana-mana bahagian dari mana-mana halaman buletin ini tanpa kebenaran bertulis daripada pihak INPENS International College.

tinta ketua editor

Assalamu'alaikum Wbkt. Salam Kesyukuran... Alhamdulillah, Alhamdulillah, Alhamdulillah.

Sebanyak mana juga saya mengucapkan kalimah suci ini, semestinya tidak dapat menggambarkan betapa bersyukur nya diri saya dengan kejayaan penerbitan Buletin INPENS pada setiap edisi penerbitannya. Saya terlalu bersyukur kerana masih diberi kepercayaan menggalas amanah mengelola Buletin INPENS daripada edisi pertama sehingga edisi ke-5 ini. Saya sangat bersyukur kerana dikelilingi pasukan yang sentiasa menyokong usaha saya. Saya amat bersyukur kerana tanggungjawab yang digalas ini menyedarkan saya betapa luasnya lautan ilmu yang perlu saya renangi.

Bersyukur selalu membuatkan saya acapkali merasa kerdil di mata-Nya. Setiap nafas yang kita hela ketika ini juga merupakan nikmat yang jelas perlu kita syukuri, apatah lagi terlalu banyak kurniaan lain seperti pendidikan, kerjaya, keluarga dan berbagai-bagai lagi telah diberikan kepada kita. Nikmat manakah yang ingin kita dustakan lagi? Oleh itu, sewajarnya rasa syukur ini kita timbal semula dengan kebaikan seperti bersedekah dan saling membantu. Namun, janganlah kita leka dengan kurniaan sedia ada tanpa mahu terus berusaha di hari-hari mendatang.

Buletin INPENS bagi edisi ke-5 ini akan memaparkan coretan memori bagi program-program dan aktiviti-aktiviti yang berlaku dari permulaan tahun 2015 hingga September 2015. Rangkuman penglibatan warga INPENS ke Ekspedisi Gunung Irau dan Program "Disaster Drill" dikongsikan menerusi edisi ini termasuklah siri-siri Bakti Siswa yang telah dijayakan. Ketiga-tiga aktiviti ini sememangnya banyak mencipta kenangan kepada warga INPENS yang terlibat.

Edisi kali ini juga turut memaparkan cebisan kenangan majlis bersejarah kolej ini iaitu Majlis Konvokesyen INPENS ke-19 yang berlangsung pada April 2015 yang lalu. Turut diselitkan rangkuman berita Karnival Teknologi dan Inovasi INPENS (KarTII 2015) yang berlangsung selama dua hari pada 12 & 13 September 2015 yang lalu. Banyak foto-foto menarik dan beremosi yang berjaya dirakamkan untuk dikongsikan di dalam buletin ini. Sebelum meletakkan tinta ini, saya mendoakan agar kita semua terus berusaha melebar cita dan menjadi insan sukses sehingga kita pulang ke pangkuan-Nya.

Sekian, selamat membaca dan syukur selalu.

"...kerjasama bersama industri haruslah diperkukuhkan agar kualiti program dan kehendak industri dapat diselarikan..."



Dari Kamar **Ketua Eksekutif**
Tuan Rosli bin Haji Ibrahim

Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam. Selawat serta salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan para sahabat baginda.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat ALLAH S.W.T kerana dengan barakah-Nya dapat kita bersua sekali lagi di dalam coretan bagi Buletin INPENS edisi ke-5 tahun 2015 ini. Semoga kita semua terus-terusan dikurniakan kesihatan yang baik bagi meneruskan kecemerlangan kolej ini.

Dalam usaha melahirkan modal insan berkeupayaan untuk berinovasi dan meneroka bidang-bidang baru, pelbagai pendekatan harus diaplikasikan oleh semua pusat latihan kemahiran di negara ini. Salah satu usaha tersebut ialah menjadikan aspek keusahawanan sebagai sasaran kerjaya graduan kemahiran apabila tamat latihan. Selain itu, kerjasama bersama industri haruslah diperkukuhkan agar kualiti program dan kehendak industri dapat diselarikan. Usaha-usaha ini akan menjadi faktor yang meningkatkan daya saing dan kemakmuran masa depan negara. Malaysia kini mempunyai komposisi tenaga mahir sebanyak 28% berbanding dengan negara-negara maju lain seperti Jerman sebanyak 80%, Finland 58% dan negara jiran Singapura pula sebanyak 52%. Jumlah pekerja berkemahiran tinggi hendaklah ditingkatkan kepada 50% menjelang tahun 2020 bagi menyokong dan memacu pertumbuhan ekonomi negara yang berpendapatan tinggi. Oleh yang demikian, kerjasama di setiap peringkat dan industri adalah sangat dialu-alukan demi merealisasikan hasrat ini.

Dikesempatan ini juga, saya mengucapkan syabas kepada Sidang Redaksi Buletin INPENS Edisi ke-5 kerana terus agresif mencari idea dan menggali kreativiti bagi menerbitkan Buletin INPENS. Akhir kata, saya mendoakan agar kita khususnya warga INPENS dikurniakan kesejahteraan berpanjangan bagi meneruskan misi memperkasakan pendidikan kemahiran di Bumi Selangor yang kita cintai ini.

"Cemerlang Bersama INPENS"

ROSLI BIN HAJI IBRAHIM



PERMATA DI INPENS

MOHAMAD SHAFAWI BIN ZAINUDDIN telah dilahirkan pada 21 Disember 1996 di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Selangor. Pelajar kursus dandan rambut di INPENS ini diibaratkan seperti sebutir permata yang semakin bersinar dari sehari ke sehari. Beliau sama sekali tidak pernah menyangka mempunyai bakat di dalam bidang dandan rambut sehinggalah mendaftarkan diri di INPENS. Setelah memulakan pengajian, barulah beliau menyedari potensi bidang dandan rambut amat luas untuk diterokai terutamanya kepada kaum adam.

Tanpa mahu menoleh ke belakang lagi, beliau telah belajar dengan bersungguh-sungguh sehinggalah berjaya dicalonkan mewakili INPENS untuk menyertai Pra Pertandingan Worldskills Malaysia Belia 2015 (PWMB 2015). Pertandingan ini telah diadakan di Pasir Gudang, Johor dan Mohd Shafawi telah bertanding di dalam kategori dandan dan fesyen rambut. Beliau telah mengungguli saingan di peringkat saringan ini dengan memastikan kedudukan di kelompok lapan terbaik bagi melangkah ke peringkat akhir.

Mohamad Shafawi baharu saja menamatkan saingan di peringkat akhir PWMB 2015 yang berlangsung pada 29 September hingga 1 Oktober bertempat di CIAST, Shah Alam, Selangor. Keputusan pemenang dijangkakan dapat diketahui pada pertengahan Oktober, sekiranya memenangi kategori tersebut, Mohd Shafawi akan mewakili Malaysia di ASEAN Skills Competition 2016 (ASC 2016) yang dijadualkan berlangsung di Kuala Lumpur. INPENS sesungguhnya amat berbangga dengan kejayaan Mohamad Shafawi dan mengharapkan kejayaan yang gilang gemilang bakal diraih permata yang semakin bersinar ini.



Mohamad Shafawi ketika bersaing di peringkat akhir Pertandingan Worldskills Malaysia Belia 2015 (PWMB 2015) bertempat di CIAST, Shah Alam.

MOHAMAD SHAFAWI ZAINUDDIN: Permata Yang Semakin Bersinar



MERAIKAN KECEMERLANGAN DI MAJLIS KONVOKESYEN INPENS KE-

19

TARIKH:
11 April 2015

TEMPAT:
Auditorium, Dewan Jubli
Perak, Shah Alam,
Selangor

**JUMLAH
GRADUAN :**
407 Orang

**TAHNIAH
KEPADA
GRADUAN**

SENARAI PENERIMA ANUGERAH

DISEMPURNAKAN OLEH :
Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Anugerah Khas Dato' Menteri Besar Selangor

Wan Mohd Shafik bin Wan Noordin – *Juruteknik Sistem Komputer*
Arina binti Basir – *Juruteknik Sistem Komputer*

Anugerah Exco Pendidikan Negeri Selangor

Muhammad Faiezin bin Kostor – *Mekanik Penyejukbekuan & Penyamanan Udara*

Anugerah Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Muhammad Izzat Hakimi bin Selamat – *Juruteknik Elektronik Industri – Peralatan*

Muhammad Shafizi bin Che Mahmood – *Juruteknik Kanan Kenderaan Motor*

Anis Syahmi binti Mohamad Suwarno – *Juruteknik Motosikal Kanan*

Siti Aishah binti Mat Kudus – *Pembuat Pakaian Wanita Kanan*

Muhammad Fikri bin Abdullah – *Pendawai Elektrik Tiga Fasa*

Ahmad Khairuddin bin Samsuldaris – *Mekanik Penyejukbekuan & Penyamanan Udara (Domestik)*

Siti Aziera binti Bardan – *Pendandan Rambut*

Azura binti Saparuan – *Jureterapi Estetik*

Anugerah Khas Menteri Besar Incorporated (MBI)

Nursyazwani Amirah binti Sumali – *Pendandan Rambut*



LENSA GRADUAN INPENS



Tarikh

12 & 13 September 2015 (Sabtu & Ahad)

Singkatan

KarTii 2015 adalah singkatan kepada Karnival Teknologi & Inovasi INPENS 2015

Dirasmikan Oleh

Dato' Menteri Selangor yang diwakili Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (Exco Pembangunan Generasi Muda & Sukan, Kebudayaan Dan Pembangunan Usahawan Negeri Selangor)

Majlis Penutup & Penyampaian Hadiah

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi & Inovasi Negeri Selangor)

Senarai Pemenang KarTii

Inovasi Tenaga Pengajar:

Smart Generator Trolley - Sektor Kejuruteraan Automotif

Rekacipta Bahan Terpakai:

4 in 1 Magic Collection - Creative Girl (Sektor Fesyen & Pembuatan Pakaian)

Fotografi:

Muhammad Fathur Rahman (Sektor Kejuruteraan Automotif)

Video:

"Pelajar Cemerlang, Fesyen Gemilang" - Nurul Husna binti Mustaffa (Sektor Fesyen & Pembuatan Pakaian)

Inovasi Pelajar:

Helmet Alarm - Sektor Kejuruteraan Motosikal
Hairdresser Box - Sektor Kosmetologi

Taman Mini (Tema Flora & Fauna):

Pertama - Sektor Kejuruteraan Automotif
Kedua - Sektor Kosmetologi

Montaj:

"Keselamatan" - Sektor Kejuruteraan Penyamanan Udara

**MEMBUDAYAKAN
KREATIVITI
& INOVASI
DI KARTII 2015**

12 YANG MENARIK DI KARTII 2015

1. Heliza Helmi, Chef Farhan Wong dan Puan Mawarni (Pengasas Kosmetik Cosmoderm) memeriahkan hari pertama KarTii 2015 dengan forum santai bertajuk "Inovasi & Keusahawanan".
2. Hari kedua KarTii 2015 diserikan pula dengan kehadiran Diana Amir, Dr. Nik Salida dan Ustaz Haryanto dengan forum santai bertajuk "Family & Gadget".
3. Sebagai selingan, Kuiz Santai Inovasi yang dihoskan Rusman Hussin turut menarik perhatian pengunjung karnival. Banyak juga jawapan lucu yang diberikan.
4. Kira-kira 1500 orang telah menyerbu Program Jom Kerja iaitu program temuduga terbuka oleh lebih 20 syarikat.
5. Pasukan JPAM telah membuat aksi "descending" dan "flying-fox" sebagai gimik perasmian KarTii 2015 dan pelancaran bendera INPENS. Aksi-aksi yang dipamerkan sangat mendebarkan!
6. Pertandingan mewarna dengan tema kemerdekaan dan pertandingan peragaan fesyen kanak-kanak dengan tema "Frozen" turut mendapat sambutan kanak-kanak.
7. Aktiviti Soopa Doopa dan memanah turut diselitkan untuk memeriahkan karnival. Caj yang dikenakan hanya RM5 sahaja!
8. HIJRAH Selangor turut bekerjasama menganjurkan program keusahawanan. Semua gerai jualan yang dibuka di KarTii 2015 merupakan usahawan di bawah seliaan HIJRAH Selangor.
9. Alumni INPENS turut berpeluang berkumpul dan bertemu semula di ALIIC Brunch Gathering.
10. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) turut hadir membuka kaunter pendaftaran syarikat.
11. Kaunter derma darah dan pemeriksaan kesihatan secara percuma turut diadakan ada hari pertama KarTii 2015.
12. Banyak agensi turut terlibat dalam aktiviti pameran seperti PDRM, Bomba, Askar Wataniah, JPAM, Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor dan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS).



PROGRAM MALAYSIA NGAJI & PENYAMPAIAN CENDERAHATI AIDILFITRI



Bagi memuliakan bulan Ramadhan yang juga merupakan bulan diturunkan kitab suci Al-Quran, INPENS telah turut serta menyokong usaha untuk menganjurkan Program Malaysia Ngaji. Program berkenaan merupakan satu program yang dijalankan di seluruh Malaysia yang menggalakkan umat Islam untuk bersama-sama membaca Al-Quran. Seluruh warga INPENS tidak ketinggalan menyertai program ini dengan mengadakan sesi tadarrus di sepanjang bulan Ramadhan. Kemuncak program ini adalah ketika Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan pada 10 Julai 2015 bersamaan 23 Ramadhan 1436 Hijrah.

Selepas majlis berkenaan, turut diadakan sesi penyampaian cenderahati Aidilfitri kepada semua kakitangan INPENS yang dikendalikan oleh Kelab Sosial & Kebajikan Kakitangan INPENS. Majlis berkenaan telah diadakan di Surau As-Salam, INPENS dan disempurnakan oleh Ketua Eksekutif, Tuan Rosli bin Haji Ibrahim.

SAMBUTAN AIDILFITRI INPENS 2015

Pada 6 Ogos 2015, bertempat di perkarangan Hangar INPENS, satu majlis sambutan Aidilfitri INPENS 2015 telah diadakan dengan meriahnya. Semua warga INPENS telah hadir dengan menggayakan busana raya masing-masing. Berbagai acara turut diadakan pada hari berkenaan seperti Pertandingan Nasyid, Gerai Tercantik, Busana Raya Terlajak Laris dan Karaoke Raya.

Gerai-gerai juadah yang dihias cantik turut menyajikan pelbagai hidangan Hari Raya seperti ketupat, rendang, lemang, laksa, mihun sup, aneka bubur, dan bermacam-macam lagi. Pertandingan nasyid juga turut mendapat sambutan hangat dengan sebelas penyertaan dari seluruh warga INPENS. Ketua Eksekutif INPENS, Tuan Rosli Haji Ibrahim dan Cik Che Nurul Syafiqah (Oshen) turut tidak ketinggalan berduet memeriahkan majlis dengan menyumbangkan sebuah lagu iaitu Seloka Hari Raya, dendangan asal Hail Amir dan Uji Rashid. Rata-rata pelajar yang ditemui kelihatan riang dan seronok dengan sambutan Aidilfitri tersebut.



'DISASTER DRILL' - LATIHAN MENANGANI BENCANA

10 Jun 2015 - Hospital Tanjong Karang dengan kerjasama Balai Bomba Kuala Selangor dan Ibupejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Selangor telah memilih INPENS sebagai lokasi 'disaster drill' iaitu latihan bencana yang diwajibkan kepada semua agensi keselamatan. Selain meminjamkan lokasi, INPENS juga turut bersama-sama menjayakan latihan ini dengan memberikan khidmat sukalerawan sebagai mangsa-mangsa yang terlibat di dalam latihan bencana berkenaan.

Objektif utama latihan ini diadakan adalah untuk menyelaraskan segala Standard Operating Procedure (SOP) oleh semua agensi keselamatan yang terlibat bagi menangani sesebuah bencana. Di dalam 'disaster drill' yang diadakan pada hari tersebut, situasi yang cuba digambarkan adalah kejadian sebuah helikopter telah terhempas di atas sebuah bangunan asrama lelaki. Di dalam kejadian tersebut, 5 maut iaitu juruterbang dan kesemua penumpang helikopter, 25 orang cedera termasuk 7 orang kritikal merupakan pelajar asrama yang menginap di tingkat tiga asrama berkenaan. Latihan tersebut berakhir dengan jayanya apabila semua mangsa berjaya dikeluarkan pada kira-kira jam 11 pagi. Majlis 'post-mortem' dan penyampaian cenderahati penghargaan telah diadakan pada hari berkenaan pada jam 2.30 petang di Dewan Serbaguna Hospital Tanjong Karang.



EKSPEDISI MENAWAN PUNCAK GUNUNG IRAU



Aktiviti mendaki merupakan aktiviti tahunan yang akan dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) INPENS International College. Ternyata sambutan untuk penyertaan misi kali ini amat memberangsangkan apatah lagi HEP telah memilih Gunung Irau sebagai lokasi pendakian. Gunung Irau sememangnya terkenal dengan trek pendakian yang mencabar dan turut menawarkan pemandangan yang menakjubkan sehingga ke puncaknya.

Ekspedisi Mendaki Gunung Irau berkenaan dijalankan pada 12 hingga 14 Jun 2015 yang melibatkan peserta seramai 36 orang pelajar dan 10 orang kakitangan INPENS. Peserta-peserta bergerak dari INPENS ke lokasi pada jam 3.00 petang dan tiba di tapak perkhemahan di kaki Gunung Irau pada jam 7.00 malam. Aktiviti pendakian bermula pada 13 Jun 2015 jam 8.30 pagi dan tiba di puncak Gunung Irau pada jam 1.30 petang. Peserta pendakian ini telah turun semula pada jam 4.00 petang setelah puas menikmati panorama indah di puncak gunung berkenaan. Jelas terpancar kepuasan dan kegembiraan di wajah para peserta ekspedisi kali ini. Pelbagai pengalaman suka dan duka yang dialami oleh para peserta yang sedikit pun tidak mematahkan semangat mereka untuk mengikuti aktiviti seperti ini pada masa akan datang.

INFO GUNUNG IRAU

Ketinggian : 6924 kaki (2110m)

Tempat : Sempadan Perak/Pahang-Banjarian Titiwangsa

Lokasi : Brinchang, Cameron Highland, Pahang

Kesukaran : Medium

Trek : Tanah gambut, batu dan akar kayu



GOTONG ROYONG MEMASAK BUBUR LAMBUK RAMADAN 1436H

Tarikh : 2 Julai 2015 (Khamis)

Tempat : Persekitaran Surau As-Salam INPENS

Anjuran : Kelab Sosial & Kebajikan kakitangan INPENS International College & Surau As-Salam INPENS

1



Majlis Perkahwinan Kakitangan INPENS: Siti Aishah binti Bahagia & Muhd Mustaqim bin Mohd Zulkepli.

Tarikh : 30 Mei 2015 (Sabtu)

Tempat : Taman Bertam Indah, Kepala Batas, Pulau Pinang

2



FUTSAL MARATHON 1 MALAYSIA

Tarikh : 12 Jun 2015 (Jumaat)

Tempat : Padang Futsal Batu 6, Tanjung Karang

3

PROGRAM SEMINAR PENULISAN RESUME DAN TEMUDUGA KERJA

Tarikh : 12 Jun 2015 (Jumaat)

Tempat : Auditorium INPENS International College

Anjuran : Jabatan Tenaga Kerja Kuala Selangor

10

BULETIN
INPENS
5 / 2015

4



GOTONG-ROYONG PERDANA – BASMI DENGGI

Tarikh : 11 Jun 2015 (Khamis)

Tempat : Persekitaran Kampus INPENS

5

6

MAJLIS PENUTUP KURSUS ASAS PERAJURIT MUDA INPENS SESI 1/2015

Tarikh : 10 Mac 2015 (Selasa)

Tempat : Perkarangan Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah



PROGRAM MOTIVASI PELAJAR INDIA & CINA BERSAMA EWRF

Tarikh : 19 Mei 2015 (Selasa)

Tempat : Dewan Melati, INPENS

7



8

SUMBANGAN 5 UNIT MOTOSIKAL OLEH PDRM (SELANGOR)

Tarikh : 9 Jun 2015 (Selasa)

Tempat : Perkarangan Hangar INPENS



11

JELAJAH KEMAHIRAN



Kerjasama INPENS dan Mais Zakat Sdn. Bhd. (MSZB) bagi program kerjaya anak-anak asnaf zakat di INPENS.



Majlis menandatangani MoU bersama HAJRAH SELANGOR untuk program keusahawanan.



Lawatan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) ke INPENS.



Jelajah Kemahiran INPENS di Sekolah Menengah Kebangsaan Ideal Height, Batu Caves pada 1 Julai 2015.



Jelajah Kemahiran INPENS di Sekolah Menengah Pengkalan Permatang (Pendidikan Khas) pada 16 April 2015.



Program Jalinan Kasih bersama Bahagian Pendidikan Khas Sekolah Menengah Puncak Alam pada 20 Mei 2015.

1 **Kampung Sungai Sireh, Tanjong Karang**
27 & 28 Mac 2015



2 **Kampung Sijangkang, Hulu Langat**
22 & 23 Mei 2015



3 **Kampung Delek, Klang**
24 & 25 Mei 2015



4

SUKARELAWAN INPENS@AL-ANSAR, 17 April 2015 – 15 Mei 2015

Misi : Membantu memasang pendawaian elektrik di Maahad Tahfiz Al-Ansar di Kampung Asahan yang telah rosak teruk akibat dilanda ribut taufan.

Kerjasama : Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI)



6

PASUMI 2.0 (Misi Pasca Banjir), 22 - 24 Januari 2015

Misi : Memasang pendawaian elektrik di penempatan sementara mangsa banjir di Kg. Pahi, Kelantan.

Kerjasama : Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS), Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Exco Belia Negeri Selangor dan Exco Agama Islam Negeri Selangor.



5

PASUMI 1.0, 18 - 10 Januari 2015

Misi : Membersihkan rumah dan mengagihkan bantuan makanan dan keperluan untuk mangsa banjir di Kuala Krai, Kelantan.

Kerjasama : Pejabat Agama Islam Kuala Selangor & Majlis Daerah Kuala Selangor



7

PASUMI 3.0 (Misi Pasca Banjir), 16 - 19 Mac 2015

Misi : Memasang pendawaian elektrik di rumah-rumah mangsa banjir, memperbaiki alat penyaman udara dan servis motosikal di sekitar daerah Kuala Krai, Kelantan.

Kerjasama : Exco Pendidikan Negeri Selangor, Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) dan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)



TESTIMONI ALUMNI

Pendidikan kemahiran yang saya pelajari di dalam bidang jahitan di INPENS International College sangat banyak membantu saya di dalam bidang kerjaya saya sekarang. Kini saya sedar bidang kemahiran bukan sahaja dapat menjamin pendapatan yang lumayan tetapi banyak peluang keusahawanan dapat diterokai asalkan kita rajin berusaha. Ini juga menjadi titik tolak kepada perniagaan butik perkahwinan yang saya usahakan sekarang ini. Terima kasih semua tenaga pengajar dan INPENS International college untuk segala ilmu yang dicurahkan!

Nurul Najwa binti Hassan Jamal
Pemilik Butik Perkahwinan Wawa White Beauty
Alumni 2013



Bukan senang mahu berjaya dan memulakan kerjaya sebagai usahawan memandangkan saya berasal daripada keluarga yang sederhana. Jika tidak kerana ilmu yang saya perolehi di INPENS, mungkin kejayaan hari ini sukar untuk saya kecapai. Semenjak saya mendalami bidang penyejuk bekuan & penyamanan udara, saya merasakan terlalu banyak peluang kerjaya yang boleh diceburi oleh graduan-graduan bidang ini. Tamat sahaja pengajian, saya terus sahaja memulakan kerjaya saya sebagai usahawan dan saya tidak lagi menoleh ke belakang sebaliknya saya melangkah terus ke hadapan untuk bergelar usahawan berjaya.

Muhammad Faiezin bin Kostor
Kontraktor Pemasangan & Servis Penyamanan Udara
Alumni 2015



HUBUNGI KAMI SEKARANG!

INPENS INTERNATIONAL COLLEGE



16

BULETIN
INPENS
5 / 2015

INPENS INTERNATIONAL COLLEGE (L00571)

Jalan Semarak, 45000 Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-3281 2617/19/21 Hp : 019-3424 111

Email : inpens@inpens.edu.my



www.inpens.edu.my



019-3424 111



INPENS INTERNATIONAL COLLEGE



03-3281 2627